

Matrikulasi – Pendidikan Asas Penyatuan, Perpaduan Negara

Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malik menyifatkan keputusan mempertahankan Program Matrikulasi untuk Bumiputera semasa menghadiri pertemuan dengan pelajar dan staf Universiti Sains Malaysia (USM) adalah sebagai langkah penyatuan dalam konteks pendidikan.

Kata beliau, Program Matrikulasi masih perlu selagi berlaku ketidakseimbangan terutamanya dari sudut peluang pekerjaan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Pendidikan dan peluang pekerjaan saling bersangkutan. Ini hakikat sebenar yang berlaku dalam masyarakat. Rata-rata, tekanan berlaku dalam pelbagai sektor yang selama ini tidak berani didedahkan oleh kita.

Ia dianggap tabu dan walaupun ada kajian dibuat, ia jarang didedahkan demi menjaga keharmonian kaum. Pendidikan menjadi mekanisme penting meningkatkan kebolehpasaran bakat masa hadapan yang perlu juga seimbang dan merapatkan jurang ketidaksamarataan yang ada.

Hal ini perlu disokong keseluruhan ekosistem yang ada termasuk syarat pekerjaan dan peluang untuk peningkatan dalam kerjaya, sesuai peningkatan bakat seperti disebut Menteri Pendidikan.

Kenapa kita tidak pernah pun berani menyentuh keseluruhan sistem pendidikan yang ada secara telus dan holistik?

Agihan ekonomi saksama

Keperluan memberi akses pendidikan kepada golongan Bumiputera yang majoritinya berpendapatan rendah amat penting bagi memastikan berlakunya agihan ekonomi lebih saksama dan seimbang. Ini penting bagi kelangsungan kestabilan sesebuah negara.

Masyarakat negara ini tidak perlu diingatkan mengenai kepentingan mengambil iktibar dan pengajaran dari semua sejarah hitam negara sebelum ini.

Menangani isu kemiskinan dan mengurangkan jurang ketidaksamaan bukan sahaja agenda negara, tetapi juga agenda penting di bawah Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dan menjadi tonggak *Sustainable Development Goals* (SDGs).

Dua daripada 17 agenda utama di bawah SDGs adalah 'Poverty' (kemiskinan) dan 'Reduced Inequalities' (mengurangkan ketidaksamaan) dan ia harus disantuni Malaysia.

Sistem pendidikan kita harus berupaya menjadi alat perpaduan utama, yang memperkasa masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya, hidup secara harmoni dan menjadikan kepelbagaian sebagai kelebihan untuk diraikan dan dilestarikan demi kelangsungan negara pada masa hadapan.

Matlamat dan prinsip Rukun Negara perlu dilihat seiring hasrat ini, yang perlu dijunjung seluruh rakyat sebagai sebahagian teras Malaysia Baharu yang kita inginkan.

Pendidikan sememangnya radas penting penyatuan bangsa dan kaum di sesebuah negara multi-etnik seperti Malaysia. Bermula dari umur enam hingga tujuh tahun, penerapan kebangsaan berteraskan penyatuan bangsa diperkenalkan, sesuai peribahasa 'melentur buluh, biar dari rebungnya'.

Penguatan pemahaman sedemikian adalah berterusan dan diterapkan lagi di peringkat lebih tinggi. UNESCO misalnya dalam laporan tentang pendidikan abad ke-21 yang bertemakan *Learning the Treasure Within*, menekankan empat tonggak utama iaitu learning to know, learning to do, learning to live together dan learning to be.

Ia jelas menggambarkan kepentingan kebersamaan dalam pembangunan pendidikan individu yang menjadi sebahagian reformasi pendidikan baharu yang mendidik seseorang itu dengan keperluan membangun masa hadapan yang lebih bermakna.

Jelas, proses pendidikan bukan sahaja bertujuan meningkatkan kapasiti intelek dengan ilmu dan kemahiran, tetapi juga membekalkan kapasiti sosial individu untuk menghayati dan bersedia menerima kebersamaan dalam bermasyarakat, agar memberi natijah kebahagiaan dan keharmonian selaras konsep **Shared Prosperity 2030** diutarakan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sumber: Bernama, 22 Mei 2019